

# LITERASI PERANCANGAN KEWANGAN PERIBADI DALAM KALANGAN PELAJAR UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU`ADZAM SHAH, KUALA KETIL, KEDAH UNISHAMS (UniSHAMS)

Rafidah Abd Rahman<sup>1</sup>, Mohd Baqir Bin Abdullah<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu`adzam Shah, Kuala Ketil, Kedah, Malaysia

<sup>1</sup>rafidah@unishams.edu.my

## Abstrak

Kajian awal ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana tahap literasi perancangan kewangan peribadi di kalangan mahasiswa di Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu`Adzam Shah (UniSHAMS). Kajian ini berbentuk kuantitatif dilakukan dengan mengaplikasikan analisis korelasi dan regrasi bagi mengenalpasti hubungan literasi kewangan dalam perancangan kewangan peribadi mereka. Usaha ini dilakukan lanjutan daripada masalah pengurusan kewangan di kalangan mahasiswa yang disebabkan oleh kurangnya pengetahuan dalam mengurus perbelanjaan serta kelemahan menguruskan corak perbelanjaan.

**Kata Kunci:** Literasi kewangan, Pengetahuan, Perancangan Kewangan Peribadi

*This preliminary study aims to assess the extent of personal financial planning literacy among student at Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu`Adzam Shah (UniSHAMS). Quantitative study was conducted to applying correlation and regression analysis to identify the relationship of financial literacy in their personal financial planning. This effort is made further from the problem of financial management among students due to lack of knowledge in managing expenses as well as weaknesses in managing spending patterns.*

**Keywords:** Financial Literacy, Knowledge, Personal Financial Planning

## 1. Latar belakang kajian

Kewangan peribadi adalah istilah yang meliputi pengurusan wang, simpanan dan pelaburan. Ia merangkumi belanjawan, perbankan, insurans, gadai janji, pelaburan, perancangan persaraan, perancangan cukai dan perancangan harta pusaka. Kewangan adalah satu aspek yang sangat penting dan semua individu perlu merancang untuk mengelakkan terjerumus dalam kemelut kewangan. Rancangan kewangan yang tidak baik akan mengundang kegagalan dalam mengurus kewangan inidvidu pada masa hadapan. Pengurusan kewangan peribadi adalah kunci bagi memastikan individu dapat megelakkan diri dari kemelut kewangan di kemudian hari.

Merancang kewangan adalah satu proses dan strategi dalam mengurus sumber kewangan individu bagi mencapai matlamat kewangan sama ada dalam tempoh jangka masa pendek, sederhana mahupun panjang. Individu bebas membuat pilihan namun mereka harus merancang dalam aspek yang betul. Menerusi perancangan kewangan individu dapat melihat dan menjejak kedudukan kewangan mereka pada masa kini, arahnya pada masa depan, bagaimana untuk mencapainya dan bila sepatutnya bermula.

Mufliis di kalangan belia kini menjadi isu yang membimbangkan. Menurut Mohamad Fazli, (2017), dan Aminurrasyid (2015) perancangan Kewangan yang lemah khususnya golongan muda berpunca daripada terlalu ingin memenuhi gaya hidup dan keghairahan dalam berbelanja. Krisis kewangan disebabkan pandemik Covid19, hari ini telah mengalihkan perhatian dunia ke arah kepentingan celik kewangan di kalangan individu. Krisis kewangan global telah mempercepat kesedaran tentang perlunya meningkatkan celik kewangan di kalangan masyarakat terutama mahasiswa. Menurut Basir (2017); dan Mohamad Fazli (2017) perancangan kewangan adalah satu perkara wajib yang perlu dititikberatkan pada hari ini. Ianya sebagai bahan ilmu untuk menghadapi cabaran kewangan pada hari ini yang boleh dikatakan memerlukan pengetahuan yang luas dan mendalam. Perancangan kewangan peribadi adalah merangkumi perkara yang sangat meluas dan menyeluruh.

Menurut ruang lingkup Islam, kewangan merupakan alat yang menjamin keselesaan kelangsungan hidup manusia iaitu *Hifz Mal* (penjagaan Harta) iaitu satu elemen dalam Maqasid Syariah. Islam menggalak umatnya menghasilkan, mengembang dan menggunakan harta dengan bijaksana dan tersusun. Islam sebagai agama yang lengkap dan sempurna mengajar umatnya agar sentiasa mempunyai perancangan dalam menguruskan hal ehwal kehidupan mereka. Riwayat hadith at-Tirmidzi, di Hari akhirat manusia akan dipersoalkan tentang empat perkara iaitu apa yang dilakukan sepanjang usia dan perjuangan di waktu muda, dan bagaimana manusia membelanjakan harta dan bagaimana tentang ilmu yang dimiliki digunakan.

Literasi merujuk Kamus Dewan bermaksud kebolehan. Manakala kewangan bermaksud perihal wang. Secara mudahnya, literasi kewangan bermaksud kebolehan atau kebijaksanaan untuk menguruskan perihal kewangan diri dan keluarga. Dalam erti kata lain, tahap literasi kewangan di kalangan mahasiswa perlu diterapkan bagi membantu mereka menguruskan atau mengendalikan kewangan mereka. Literasi kewangan adalah pengetahuan dan pemahaman mengenai konsep dan risiko kewangan, kemahiran, motivasi dan keyakinan untuk mengaplikasi pengetahuan dan kefahaman dalam membuat keputusan yang berkesan dalam pelbagai konteks kewangan untuk meningkatkan kesejahteraan kewangan individu dan masyarakat. Mereka yang buta kewangan akan mengalami masalah kewangan dan cenderung untuk membuat keputusan yang salah dalam pengurusan ekonomi mereka (Lusardi, 2015). Yew, Yong, Cheong, & Tey (2017) mendapati literasi kewangan yang rendah merupakan fenomena global dan dalam keadaan yang semakin materialistik dan dunia yang kompleks, kekurangan literasi kewangan boleh menyebabkan masalah kewangan di kalangan mahasiswa kolej dan universiti.

Literasi perancangan kewangan sangat penting dalam menguruskan kewangan di kalangan mahasiswa sebelum mereka melangkah ke alam pekerja dan mengurus kewangan sendiri. Dapatan kajian daripada Rubayah, Janor, & Khamis (2015) menyatakan usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai pengetahuan kewangan perlu di pertingkatkan di kalangan pelajar universiti. Yasmin Huzaimah & Anuar (2017) mendapati Tahap Literasi Mahasiswa secara puratanya adalah pada tahap yang sederhana dan paling kurang mengetahui mengenai hutang. Kajian Nurul Liyana & Liyana Syazwina (2019) mendapati Pendidikan kewangan merupakan element penting yang mempengaruhi literasi kewangan di kalangan mahasiswa. Jesteru itu program-program kesedaran kewangan perlu diwujudkan untuk memberi kesedaran tentang kepentingan literasi kewangan untuk mengelakkan mahasiswa terlibat dengan masalah kewangan di kemudian hari.

Menurut laporan yang dikeluarkan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit Malaysia (AKPK), tahap literasi kewangan di kalangan rakyat Malaysia masih berada di paras yang rendah, iaitu di bawah purata, berada di tangga 26 daripada 30 negara yang mengambil bahagian dalam kajian yang dijalankan oleh OECD. Laporan AKPK dalam Tinjauan Tingkahlaku Kewangan tahun 2018 menunjukkan sebilangan besar rakyat Malaysia yang bekerja tidak yakin untuk mempunyai wang yang lebih pada setiap hujung bulan dan tidak yakin untuk mempunyai kehidupan yang selesa apabila mencapai usia persaraan.

Kajian ini bertujuan untuk meneroka literasi perancangan kewangan dalam kalangan pelajar Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS) untuk melihat tahap literasi dan cara pengurusan kewangan mengikut profil literasi perancangan kewangan atau sebaliknya. Literasi kewangan mempunyai pengaruh yang kuat terhadap kesejahteraan kewangan dan merupakan konsep yang sangat penting bagi pelajar kolej dan universiti yang mula mengembangkan tabiat kewangan mereka. Tujuan makalah ini adalah untuk mengkaji hubungan antara literasi kewangan, sikap terhadap kewangan di kalangan responden yang di kaji. Abdul-Rahman & Zulkifly (2016) mendapati kegagalan mengurus kewangan peribadi dalam kalangan mahasiswa berpunca daripada kurangnya pengetahuan berkenaan pengurusan kewangan. Kajian juga cuba untuk menyahut saranan kerajaan untuk membangun masyarakat celik kewangan seperti yang di gariskan dalam Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan 2019-2023 untuk mempergiatkan pendidikan kewangan dengan meningkatkan literasi kewangan dalam usaha untuk mengukuhkan kesejahteraan kewangan rakyat.

## **2. Kajian literatur**

Yasmin Huzaimah & Anuar (2017) mendapati, pendedahan mengenai ilmu kewangan seharusnya diberikan dari peringkat yang lebih awal iaitu diterapkan sejak dari bangku sekolah dan bukan hanya difokuskan pada tahap pengajian tinggi sahaja. Menurut Mahapatra, Raveendran, & De (2019) mendapati bahawa pengetahuan kewangan menjadi penentu penting dan mempunyai hubungan yang kuat terhadap perancangan kewangan peribadi. Ini bermaksud individu tersebut menyedari perbelanjaan yang telah dilakukan dan mengawal perbelanjaan tersebut mengikut kemampuan. Selain itu, Pelajar yang mempunyai pengetahuan kewangan lebih cenderung merekodkan kewangan dan memilih untuk berbelanja dengan lebih berhemat berbanding dengan

pelajar yang kurang berpengetahuan kewangan (Chen & Volpe, 1998), tanpa perancangan kewangan yang baik individu cenderung meminjam dengan kadar faedah yang lebih tinggi (Lusardi & Mitchell, 2007) dan mempunyai aset yang sedikit (Lusardi & Mitchell, 2011).

Oleh yang demikian, Salbiah, Suhailah, Suzana, Noor Azlin, & Nurul Aini (2016) mencadangkan institusi pengajian tinggi perlu merancang strategi yang berkesan dalam melahirkan mahawasiswa daripada pelbagai bidang mampu memahami dan mengaplikasi pengurusan kewangan individu yang cekap dan seterusnya membolehkan setiap institusi pengajian tinggi menawarkan kaedah modul pengajaran dan pembelajaran pengurusan kewangan yang berhemah dalam membentuk generasi celik kewangan. Aisyah & Wajeeha (2016) menyatakan, hasil kajian menunjukkan literasi kewangan memainkan peranan yang signifikan dengan impak paling tinggi terhadap amalan pengurusan kewangan mahasiswa. Untuk itu kursus yang berkaitan wajar ditawarkan kepada semua mahasiswa tidak mengira bidan atau jurusan yang di ambil di peringkat pengajian tinggi.

Selain itu, pengaruh gaya hidup dalam perbelanjaan dan tabungan juga mempengaruhi perancangan kewangan pelajar. Pelajar lebih cenderung menghabiskan wang terhadap aktiviti yang diminati pada masa lapang. Walau bagaimanapun, segala perbelanjaan harian dan tabungan haruslah seimbang dengan pendapatan atau sumber yang diperolehi individu seperti dinyatakan oleh Mahapatra et al. (2019); Palley (2010), Friedman (1957) dan Keynes (1936). Perbelanjaan dan tabungan seharusnya boleh ditingkatkan sekiranya pendapatan yang lebih tinggi. Dalam konteks kajian ini, sebahagian besar sumber kewangan di kalangan pelajar universiti di Malaysia ialah pinjaman pendidikan (Hock-eam, Ismail, & Ibrahim, 2014) dan kebiasaannya pelajar cemerlang dalam pencapaian akademik layak memperoleh biasiswa pendidikan (Mehmet & Hoong, 1985). Terdapat juga sebilangan pelajar mempunyai sumber kewangan daripada perniagaan secara sampingan di samping menjalani kehidupan sebagai pelajar universiti (Israr & Saleem, 2018; Shamsudin, Al Mamun, Che Nawawi, & Noorul Azwin, 2017; Ooi & Ahmad, 2012; dan Ooi, Selvarajah, & Meyer, 2011). Sebahagian daripada sumber kewangan yang ada seharusnya juga digunakan untuk tujuan berjaga-jaga untuk menghadapi peristiwa yang tidak dijangka seperti kemalangan. Oleh itu, kajian ini akan mengenalpasti mengenai hubungan di antara tahap literasi kewangan dengan perancangan kewangan peribadi di kalangan pelajar universiti. Paling menarik dalam kajian ini ialah mendedahkan tahap perancangan kewangan di kalangan mahasiswa kerana kehidupan pelajar universiti adalah berbeza berbanding dengan kehidupan bukan pelajar di luar kampus.

**Jadual 2.1: Ringkasan Kajian Empirikal Literasi Perancangan Kewangan Peribadi Mahasiswa**

<b>Perkara</b>	<b>Penulis</b>	<b>Hasil kajian</b>
Literasi Kewangan	Nurul Liyana Hussin dan Liyana Syazwina Rosli (2019)	1. Pendidikan kewangan merupakan pembolehubah yang paling mempengaruhi literasi kewangan.
	Ardi Gunardi, Mochammad Ridwan, dan Gugum Mukdas Sudarjah (2017)	1. Umur, GPA, tahap pendidikan ibu bapa dan pendapatan ibu bapa mempunyai pengaruh terhadap tahap literasi kewangan pelajar 2. Jantina, tempat tinggal, kelas, dan program pengajian tidak mempengaruhi tahap celik kewangan.
	Siew-Yong Yewa, Chen-Chen Yongb, Kee-Cheok Cheongc, Nai-Peng Teyd (2017)	1. Mendapati bahawa pelajar kolej dan universiti umumnya mempunyai literasi kewangan yang rendah, hubungan yang lemah antara pengetahuan dan sikap tetapi kaitan rapat antara sikap dan tingkah laku. 2. Bimbingan ibubapa dan pengalaman hidup merupakan peramal pengetahuan yang penting . 3. Terdapat keperluan untuk mempromosikan pembelajaran berdasarkan pengalaman dalam hal kewangan kerana cilik ewangan akan membawa kepada sikap positif dan amalan baik.
Pengetahuan Kewangan	Rudy Ansar, Mohd Rahimie Abd Karim , Zaiton Osman and Muhamad Shameer Fahmi (2019)	1. Orentasi masa depan dan celik kewangan mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap amalan pengurusan kewangan peribadi 2. Hasil kajian menawarkan pendekatan alternatif dalam menangani masalah kebangrapan yang semakin meningkat di kalangan generasi Y di Malaysia.
	Vinod Krishna, Ruchi Gupta and Lakshman (2019)	1. Kurangnya pemahaman asas kewangan membawa kepada keputusan pelaburan yang tidak produktif.
	David Lee, Dhamayanthi Arumugam, Nooradhanawati Binti Arifin (2019)	1. Faktor demografi sosial, tahap pengetahuan kewangan dan literasi, merancang kewangan dan sikap

		individu terhadap kewangan mempunyai mempunyai signifikan yang tinggi dan memberi kesan positif terhadap perancangan kewangan.
	Salbiah Nur Shahrul Azmi (2018)	1. Pengetahuan kewangan mempengaruhi amalan pengurusan kewangan mahasiswa.
Tingkah laku Pengurusan Kewangan	Sholehah Abdullah, Noor Hafiza Mohammed, Suzila Mat Salleh, Kartini Mat Rashid, Siti Syazwani Syahirah Mohd Kamal (2017)	1. Hasil kajian menunjukkan pengaruh keluarga mempunyai pengaruh signifikan tertinggi terhadap literasi kewangan berbanding dengan ciri keperibadian (sikap dan tingkah laku kewangan) dan pengetahuan kewangan.
	Khoong Tai Wai (2016)	1. Pemahaman dan perbincangan aplikasi teori tingkah laku kewangan dan teori keperluan dalam perancangan kewangan adalah penting. 2. Bukti aplikasi teori-teori tingkah laku kewangan wujud dalam perancangan kewangan.
	Nisha Fatimah Kamala Azmi dan Norziah Othman (2017)	1. Kajian mendapati bahawa tahap tingkah laku kewangan pelajar adalah berada pada tahap yang sederhana. 2. Didikan ibu bapa, pengaruh rakan sebaya dan kawalan diri dikenal pasti sebagai faktor yang mempengaruhi pelajar terhadap amalan pengurusan pembiayaan pendidikan mereka. 3. Terdapat perbezaan antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan daripada segi pengetahuan tentang kewangan dan amalan pengurusan pembiayaan pendidikan di institusi pengajian tinggi.
	Murni Yunus Mawar dan Norazlina Ripain (2016)	1. Pengetahuan kewangan, pendidikan dan sikap kewangan sangat mempengaruhi literasi kewangan.
	Nguyen Thi Ngoc Mien, Tran Phuong Thao, (2015).	1. Faktor sikap kewangan peribadi, pengetahuan kewangan, lokus kawalan dan tingkah laku pengurusan kewangan mempunyai kesan langsung terhadap tingkah laku pengurusan kewangan.

		2. Sikap kewangan dan pengetahuan kewangan secara signifikan berkaitan dengan tingkah laku pengurusan kewangan.
	Arum Setyowati, Harmadi Harmadi dan Sunarjanto Sunarjanto (2018)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Individu dengan tahap IFL yang baik cenderung mempunyai pengurusan yang lebih baik dalam kewangan peribadinya;</li> <li>2. Makalah ini akan menyumbang kepada pengembangan saintifik kewangan tingkah laku dan penyertaan kewangan yang telah banyak dibincangkan dalam literatur kewangan.</li> </ol>
	Noor Atiqah binti Ab Talib dan rakan-rakan (2017)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Terdapat hubungan yang signifikan antara tahap literasi kewangan dengan tingkah laku kewangan</li> <li>2. Pendidikan kewangan dan tahap literasi kewangan usahawan sememangnya memainkan peranan yang penting dalam mempengaruhi tingkah laku usahawan bagi menjamin kestabilan perniagaan yang dijalankan.</li> </ol>
	Amer Azlan Abdul Jamal (2015)	1. Penglibatan keluarga memainkan peranan utama dalam memupuk tingkah laku simpanan pelajar, diikuti oleh celik kewangan dan pengaruh rakan sebaya.
	Amer Azlan Abdul Jamal, Wijaya Kamal Ramlan, Rosle Mohidin, Zaiton Osman (2016)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Hasil kajian menunjukkan bahawa penglibatan keluarga, pengaruh rakan sebaya, kawalan diri dan celik kewangan memainkan peranan penting dalam memupuk tingkah laku simpanan pelajar.</li> <li>2. Pelajar dikatakan mempunyai sikap kewangan yang lebih baik ketika mereka celik dari segi kewangan.</li> <li>3. Sikap kewangan tidak memberi kesan pengantaraan terhadap hubungan antara celik kewangan dan tingkah laku simpanan.</li> </ol>
	Salbiah Nur Shahrul Azmi, Suzana Ab. Rahman, Suhailah	1. Masalah pengurusan kewangan di kalangan mahasiswa adalah disebabkan

	Ibrahim, Nurulhayah Muhamad dan Maryam Mohd Esa (2018)	kurang pengetahuan dalam mengurus perbelanjaan 2. Satu daripada pemboleh ubah tidak bersandar iaitu pengetahuan kewangan mempengaruhi amalan pengurusan kewangan mahasiswa.
	Zaimah Ramli, Noor Amarina, Mohd farid, Sarmila Md Sum, Azrima Abdul Manaf (2020)	1. Strategi pengurusan kewangan mahasiswa berkahwin di UKM dan di UBDI berada dalam tahap sederhana. 2. Kajian menyarankan pasangan mahasiswa berkahwin perlu mengamalkan strategi pengurusan kewangan yang betul bagi membantu pengurusan dan pengawalan perilaku kewangan mereka.
	Norasibah Abdul jalil, Hamidah yusuf, Nerlela Ahmad, Khalizul Khalid (2013)	1. Tiga sumber utama pendapatan pelajar datangnya dari PTPTN, ibubapa dan biasiswa. 2. Majoriti mahasiswa melakukan simpanan, tetapi disebabkan konsistensi pengeluaran tidak di kawal menyebabkan simpanan bersifat negatif.
	Che Rugayah Che Ismail (2001)	1. Pelajar yang tidak mempunyai pengetahuan kewangan cenderung untuk menghadapi krisis kewangan. 2. Pelajar memerlukan bimbingan dan pendedahan pengurusan kewangan dalam menjana tabiat perbelanjaan yang bijak serta pengurusan kewangan yang mantap.

### **3. Metodologi Kajian**

Rekabentuk kajian kualitatif menggunakan kajian kes lepas bagi memahami kes-kes tertentu. Kajian lepas di gunakan untuk mendapatkan maklumat dan memproses data berhubung isu-isu literasi dalam perancangan kewangan peribadi mahasiswa. Penggunaan kajian kes digunakan bagi mendapatkan maklumat dan memproses data berhubung persekitaran mahasiswa secara individu dan masalah yang di hadapi mereka dalam usaha merancang kewangan masing-masing. Pelajar Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS) merupakan sampel kajian ini iaitu melibatkan seramai 381 orang yang dipilih secara rawak daripada seramai 4,333 orang populasi pelajar bagi mewakili dari pelbagai fakulti atau pusat pengajian seperti dicadangkan oleh (Krejcie & Morgan, 1970). Hasil kajian ini menggunakan analisis faktor



penerokaan (EFA) dan analisis faktor penerokaan (CFA) seperti yang dicadangkan dari kajian (Mahapatra et al., 2019; dan Israr & Saleem, 2018).

#### **4. Rumusan dan cadangan**

Kajian ini memberi pendedahan secara lebih terperinci mengenai beberapa elemen penting perancangan kewangan peribadi di kalangan pelajar universiti seperti pengetahuan kewangan (Mahapatra et al., 2019), kesedaran perancangan kewangan (Gordon & Moss, 2013), kesedaran risiko kewangan (Gordon & Moss, 2013), perbelanjaan penggunaan dan tabungan (Mahapatra et al., 2019; dan Palley, 2010), sumber kewangan seperti pinjaman pendidikan atau biasiswa (Hockeem et al., 2014; dan Mehmet & Hoong, 1985), sumber kewangan tambahan seperti bekerja secara sambilan dan berniaga secara sambilan (Israr & Saleem, 2018; dan Shamsudin et al., 2017). Bentuk hubungan elemen-elemen tersebut memberi gambaran yang jelas mengenai kepentingan pengetahuan perancangan kewangan di kalangan pelajar.

Dalam usaha mengurus kewangan dalam landasan yang sebenar, mahasiswa dicadangkan untuk lebih melibatkan diri di dalam program-program kewangan samada di dalam atau luar universiti. Guru dan pensyarah serta pakar kewangan boleh memikirkan cara yang berkesan dalam memberikan pendidikan dalam pengurusan kewangan yang bijak kepada pelajar pada masa akan datang. Kajian-kajian seperti Mahapatra et al. (2019); dan Gordon & Moss (2013) mencadangkan supaya para pelajar mengambil langkah yang bijak dalam menguruskan kewangan dengan sentiasa berusaha meningkatkan pengetahuan dalam pengurusan kewangan yang cekap dan berhemah. Manfaat ilmu ini bukan sahaja untuk pengurusan sumber kewangan semasa belajar malah adalah lebih penting sebagai bekalan apabila menempuh alam pekerjaan yang sangat mencabar dan perlu berhadapan dengan persekitaran yang kompetitif.

#### **Maklumat Penulis**

1) Rafidah Abd Rahman

Pensyarah,

Pusat Pengajian dan Penyelidikan Kewangan Islam

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu`Adzam Shah (Unishams), Kuala Ketil, Kedah,

Malaysia

rafidah@unishams.edu.my

2) Dr. Muhammad Baqir bin Abdullah

Pensyarah,

Kulliyyah Muamalat dan Sains Pengurusan

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu`Adzam Shah (Unishams), Kuala Ketil, Kedah,

Malaysia

muhammad.baqir@unishams.edu.my

## Rujukan

- Aisyah, A. R., & Wajeeha, Z. (2016). Faktor Penentu Pengurusan Kewangan: Kes Mahasiswa Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 19(2), 85–94.
- Aminnurrasyid, S. (2015). Mahasiswa Perlu Bijak Urus Kewangan. *Berita Harian*. Retrieved from <http://ddms.usim.edu.my/handle/123456789/9566?mode=full>
- Basir, Z. (2017). Golongan Belia Perlu Bijak Urus Kewangan Peribadi. *Berita Harian*. Retrieved from [https://coscomm.upm.edu.my/newspaper/golongan\\_belia\\_perlu\\_bijak\\_urus\\_kewangan\\_peribadi-888](https://coscomm.upm.edu.my/newspaper/golongan_belia_perlu_bijak_urus_kewangan_peribadi-888)
- Chen, H., & Volpe, R. P. (1998). An analysis of personal financial literacy among college students. *Financial Services Review*, 7(2), 107–128. [https://doi.org/10.1016/S1057-0810\(99\)80006-7](https://doi.org/10.1016/S1057-0810(99)80006-7)
- Friedman, M. (1957). A theory of the Consumption Function. *Canadian Journal of Chemistry*, 35.
- Gordon, J., & Moss, R. (2013). *Personal financial planning advice: Barriers to access*. The University of Birmingham.
- Hock-eam, L., Ismail, R., & Ibrahim, Y. (2014). The implications of graduate labour market performance in designing a student loan scheme for Malaysia. *Income Contingent Loans*, 83–97.
- Israr, M., & Saleem, M. (2018). Entrepreneurial intentions among university students in Italy. *Journal of Global Entrepreneurship Research*, 8(1), 20. <https://doi.org/10.1186/s40497-018-0107-5>
- Keynes, J. M. (1936). The General Theory of Employment, Interest and Money. *Journal of the American Statistical Association*, 31(196), 791. <https://doi.org/10.2307/2278703>
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research Activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30(3), 607–610. <https://doi.org/10.1177/001316447003000308>
- Lusardi, A. (2015). Financial Literacy Skills for the 21st Century: Evidence from PISA. *Journal of Consumer Affairs*, 49(3), 639–659. <https://doi.org/10.1111/joca.12099>
- Lusardi, A., & Mitchell, O. (2011). Financial literacy around the world: an overview. *Journal of Pension Economics and Finance*, 10(4), 497–508. <https://doi.org/DOI:10.1017/S1474747211000448>
- Lusardi, A., & Mitchell, O. S. (2007). Baby Boomer retirement security: The roles of planning, financial literacy, and housing wealth. *Journal of Monetary Economics*, 54(1), 205–224. <https://doi.org/10.1016/j.jmoneco.2006.12.001>
- Mahapatra, M. S., Raveendran, J., & De, A. (2019). Building a Model on Influence of Behavioural and Cognitive Factors on Personal Financial Planning: A Study Among Indian Households. *Global Business Review*, 20(4), 996–1009. <https://doi.org/10.1177/0972150919844897>
- Mehmet, O., & Hoong, Y. Y. (1985). An empirical evaluation of government scholarship policy in Malaysia. *Higher Education*, 14(2), 197–210. <https://doi.org/10.1007/BF00137484>
- Mohamad Fazli, S. (2017). Mahasiswa perlu bijak urus pinjaman. *Utusan Malaysia*. Retrieved from <d516c64f3b71f6dd4e6362613445396ac1402cdd@psasir.upm.edu.my>
- Nurul Liyana, H., & Liyana Syazwina, R. (2019). Financial Literacy Among Students At Kuim. *Jurnal Inovasi Perniagaan*, 102–110.
- Ooi, Y. K., & Ahmad, S. (2012). A study among university students in business start-ups in Malaysia:

- motivations and obstacles to become entrepreneurs. *Terengganu International Management and Business Journal*, 3(19), 181–192.
- Ooi, Y. K., Selvarajah, C., & Meyer, D. (2011). Inclination towards entrepreneurship among university students: An empirical study of Malaysian university students. *International Journal of Business and Social Science*, 2(4), 206–220. <https://doi.org/10.1016/j.egypro.2012.02.331>
- Palley, T. I. (2010). The Relative Permanent Income Theory of Consumption: A Synthetic Keynes–Duesenberry–Friedman Model. *Review of Political Economy*, 22(1), 41–56. <https://doi.org/10.1080/09538250903391954>
- Rubayah, Y., Janor, H., & Khamis, N. A. (2015). Tahap Literasi Kewangan dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam: Kajian di Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Personalia Pelajar*, 18(1), 98–117.
- Salbiah, N. S. A., Suhailah, I., Suzana, A. R., Noor Azlin, M. K., & Nurul Aini, M. R. (2016). A Review of GST Enforcement on Tourism Sector. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2(5), 55–65.
- Shamsudin, S. F. F., Al Mamun, A., Che Nawati, N. B., & Noorul Azwin, M. N. (2017). Factors Affecting Entrepreneurial Intention Among The Malaysian University Students. *The Journal of Developing Areas*, 51(4), 423–431. <https://doi.org/10.1353/jda.2017.0111>
- Yasmin Huzaimah, A., & Anuar, A. (2017). Analysis Factors Influencing Financial Management Behaviour. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v8-i8/4471>
- Yew, S. Y., Yong, C. C., Cheong, K. C., & Tey, N. P. (2017). Does financial education matter? Education literacy among undergraduates in Malaysia. *Institutions and Economies*, 9(1), 43–60.